

28/01/2000

Syarikat Swiss tuntutan jam tempahan khas RM12 juta

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebuah syarikat pengeluar jam berpusat di Switzerland dikatakan menuntut sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini memulangkan kira-kira 300 jam tangan yang ditempah khas selepas gagal menjelaskan bayaran RM12 juta.

Jam tangan berjenama terkenal yang tertera dengan gambar dan tandatangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, dikatakan ditempah khas pada harga RM40,000 setiap satu.

Mereka yang membuat tempahan itu dikatakan mahu Perdana Menteri melancarkan jam berkenaan supaya dapat menjualnya kepada pemimpin Umno dan tokoh korporat.

Tempahan itu dikatakan tidak memerlukan wang pendahuluan kerana NGO berkenaan menggunakan surat sokongan seorang pemimpin kanan Pergerakan Wanita Umno, yang kononnya sudah mendapat persetujuan Dr Mahathir untuk pelancaran itu.

Sumber-sumber memberitahu Berita Harian, pertubuhan itu bagaimanapun menghadapi masalah untuk menjualnya apabila Perdana Menteri dikatakan tidak bersetuju untuk melancarkan jam berkenaan.

Penolakan Dr Mahathir itu dikatakan selaras dengan pendiriannya sejak dulu lagi supaya namanya tidak digunakan dalam sebarang kegiatan perniagaan.

Malah, Perdana Menteri memang diketahui umum sejak dulu lagi bahawa beliau tidak mahu namanya diabadikan pada mana-mana bangunan atau jalan.

Menurut sumber itu, apabila pertubuhan itu gagal menjelaskan bayaran RM12 juta itu, syarikat pengeluar meminta supaya jam berkenaan dihantar balik.

"Malangnya sebahagian jam tangan itu sudah hilang dari simpanan. Kehilangan itu turut menyukarkan Wanita Umno yang bertindak sebagai penjamin kepada pertubuhan berkenaan ketika membuat tempahan jam itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, ketika ditemui selepas mesyuarat Exco Wanita hari ini berkata, isu jam tangan berharga RM40,000 itu kini dalam siasatan.

"Kita tahu ia (isu jam) disebar. Bagaimanapun ia tidak membabitkan Wanita Umno tetapi sebuah pertubuhan. Siasatan mengenai penyalahgunaan ini sedang dijalankan.

"Oleh sebab saya tidak mempunyai fakta, saya tidak ingin membuat sebarang kenyataan. Apabila siasatan tamat dan kita sudah mendapatkan nasihat, kita boleh mengeluarkan satu kenyataan," katanya.

(END)